

Dr Mahathir mahu berehat

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mo-
hamad, yang dibenarkan pulang
selepas mendapat rawatan di Ins-
titut Jantung Negara (IJN) pada 14 No-
vember lalu berkata, beliau kini sihat dan
akan mematuhi arahan doktor supaya
berehat.

"Saya rasa sihat tapi doktor minta saya
berehat," katanya ketika ditemui di pe-
jabat Yayasan Kepimpinan Perdana, di-
pengerusikannya, di sini, semalam.

Bekas perdana menteri itu mengalami
serangan jantung ringan pada 9 No-
vember lalu dimasukkan ke IJN sebelum
dibenarkan pulang lima hari kemudian.

Dr Mahathir berkata, beliau memba-
talkan beberapa lawatannya ke luar ne-
gara, termasuk ke India dan Jepun.

Beliau tidak dapat ke India untuk me-
nerima Anugerah Peringatan Antara-
bangsa Mother Teresa bagi Keadilan
Sosial, dan menghantar anak lelakinya,
Datuk Mukhriz Mahathir, untuk mene-
rimanya bagi pihak beliau, pada satu
majlis di Mumbai kelmarin.

Dr Mahathir juga berkata, beliau sedih
atas pemergian ke Rahmatullah seorang
daripada bapa pengasas Malaysia, Tan
Sri Mohd Khir Johari, 83, kerana se-
rangan jantung, kelmarin.

"Saya amat sedih kerana saya sudah
lama mengenali Allahyarham iaitu sejak
beliau bertugas sebagai guru di sekolah
saya," katanya.